

BUMI LARANGAN: ZULKIFLI DAHLAN

PENGENALAN

Zulkifli Dahlan, biarpun dengan bilangan karya siapnya yang tidak seberapa banyak, diangkat oleh ramai pihak sebagai salah seorang pelukis seni rupa moden Malaysia yang penting dan berpengaruh besar. Hasil karya Zulkifli merangkumi beberapa jenis media, termasuklah arca dan seni cetakan, tetapi beliau lebih dikenali menerusi karya-karya lukisan dan catannya yang bergaya naif, surrealis dan neo-eksperionis dengan daya imaginasi dan bicara wacana yang tinggi. Beliau juga salah seorang pengasas Anak Alam, sebuah kolektif seniman yang dikira yang pertama sekali memperkenalkan, ke dalam dunia seni rupa tempatan sekitar 1970-an, praktis seni bersifat pluralistik dengan semangat yang lebih memberontak dan paradigma yang lebih progresif.

Pandangan hidup Zulkifli, dan seterusnya praktis seninya, secara umumnya dipengaruhi dan diinspirasi oleh beberapa faktor. Antaranya ialah ketegasan didikan bapanya, seorang pegawai agama; kepesatan pembangunan kota kelahirannya, Kuala Lumpur; pendedahannya kepada seni dan budaya moden dan kontemporari menerusi buku-buku serta kawan-kawan, khususnya yang terlibat dengan gerakan Anak Alam; dan pengembaraannya ke beberapa negara luar.

Kebanyakan karya Zulkifli menampilkan figura berunsur kartun dan karikatur, latar dan naratif surreal, dan lembaga serta objek aneh. Selalunya sarat dengan jenaka pintar, kritikan tajam, ledakan angst, dan erotisisme yang mendebarkan, karya-karya beliau sering memperkatakan tema-tema berkaitan konteks-konteks sosial dan budaya di dalam masyarakat kontemporari. *Realiti Berasingan: Satu Hari Di Bumi Larangan* dan *Kedai-kedai* merupakan dua buah lukisan beliau yang paling kerap dirujuk dan diulas. Kedua-duanya dianggap ikonik dalam sejarah seni rupa moden Malaysia, khususnya kerana penampilan lembaga-lembaga absurd manusia telanjang yang berkeliaran dalam landskap kota sebagai wadah untuk mewacanakan isu-isu berkenaan kehidupan kontemporari dan sikap manusia. Kepopularan berterusan kedua-dua karya tersebut sampai ke hari ini barangkali menunjukkan bahawa salah satu sumbangan terpenting Zulkifli kepada seni rupa kita adalah kejayaannya merintis penggunaan imej-imej kartun dan karikatur untuk pengkayaan lukisan moden.

Meskipun Zulkifli sebenarnya seorang artis yang giat berkarya, namun kebanyakan karyanya tidak sempat dipamerkan kepada khalayak umum. Mungkin hanya segelintir sahabat handai dan kaum keluarga yang rapat sahaja pernah melihat hampir keseluruhan karya yang pernah dihasilkannya. Ini terjadi kerana beliau meninggal dunia, pada 1977, pada usia yang terlalu muda, iaitu 25 tahun. Karya-karya yang ditinggalkan oleh Zulkifli, kebanyakannya berupa lakaran dan studi, mencerminkan kekayaan pemikiran serta keberanian idea seorang artis yang dianggap berwawasan jauh dan berfikiran canggih di zamannya. Di dalam menilai karyanya, kita mungkin boleh menghujahkan bahawa apa yang menjadikan karyanya begitu mantap dan begitu mempesonakan ialah bukan sahaja kerana kelainan dan ketulenan gaya lukisannya tetapi juga kerana kecanggihan dan keunikan ekspresinya tentang kehidupan manusia dan segenap cabarannya, ekspresi yang lahir langsung dari dalam lubuk jiwanya dan hasil renungan tajamnya.

BUMI LARANGAN: ZULKIFLI DAHLAN bakal menampilkan sekumpulan karya yang tinggi nilainya dan amat signifikan bukan sahaja disebabkan oleh kehebatan penerokaan formalisme serta tema yang dilakukan oleh artisnya tetapi, yang mustahak sekali, kerana sesetengah kesan serta pengaruhnya ke atas perkembangan seni rupa tempatan. Sebahagian besarnya disimpan dan dijaga rapi selama kira-kira 40 tahun oleh keluarga Zulkifli, karya-karya yang dipamerkan ini bakal membolehkan khalayak penonton meninjau dan menelusuri, justeru memahami dengan lebih mendalam, sisi-sisi pemikiran dan praktis yang menjadi teras kepada kesenimanan Zulkifli Dahlan. Meneliti dan mengkaji karya-karya ini juga boleh membawa kita menyelami beberapa aspek serta situasi penting berkenaan kedua-dua seni rupa Malaysia dan juga masyarakat Malaysia pada 1970-an, dekad yang menyaksikan berlakunya beberapa detik besar dalam sejarah negara ini dan sejarah seni rupanya.

SYNOPSIS

Zulkifli Dahlan, one of the pioneers of the country's modern art, was well-known for his naïve-style paintings. *Satu Hari Di Bumi Larangan* and *Kedai-kedai* are two of his paintings considered iconic in the history of Malaysian art. He was also one of the founders of Anak Alam, an artist collective that, arguably, initially introduced pluralistic practice in the local art scene in the 1970s. Most of Zulkifli's works feature cartoonish and caricatural images with surrealistic settings. They not only address autobiographical themes but also deal with socio-political issues in contemporary society.

His artistic practice, especially his unique style of painting, was deeply influenced by several factors: upbringing by his religious father; rapid development of Kuala Lumpur; his exposure to modern art and culture through books and friends, particularly those affiliated with Anak Alam; his adventures abroad; and his humble character. Although Zulkifli was a prolific artist, many of his works have never been shown before, except perhaps for a close circle of family members and friends. This is because he passed on at a very young age of 25. A huge number of these works, mostly sketches and studies, encapsulate the thoughts and ideas of an artist considered visionary and advanced during his time.

BUMI LARANGAN: ZULKIFLI DAHLAN will showcase a priceless collection of art that is profoundly significant not only in view of the formalistic and thematic explorations by the artist but, most importantly, due to the impact and influence they have had on local art development since the 1970s. Well kept for nearly four decades by his family, these works will provide a more in-depth understanding concerning Zulkifli Dahlan's artistic practice, as well as expose some important dimensions and situations of Malaysian art in the 1970s.